



KENYATAAN MEDIA

SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

28 Syaaban 1441 / 22 April 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Rabu , 28 Syaaban 1441H bersamaan 22 April 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 138 orang.**
2. Sementara itu, **satu kes** telah disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan **jumlah keseluruhan yang telah sembuh kepada 117 orang.** Ini membawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini kepada **20 kes.** Daripada jumlah tersebut, 2 daripadanya masih dalam keadaan kritikal dan kedua-duanya masih memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

3. Pada hari ini juga, seramai **126 orang** sedang menjalani kurantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 manakala jumlah keseluruhan mereka yang telah menamatkan tempoh kurantin ialah sebanyak **2,421 orang**.
4. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 243 sampel telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 12,149 ujian.
5. Mengenai dengan kes yang telah sembuh tetapi didapati positif semasa pemeriksaan susulan, Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa satu kes yang sedemikian telah disahkan sembuh manakala tidak ada kes baru dilaporkan. Ini membawa jumlah keseluruhan kes yang sedemikian pada masa ini kekal sebanyak 18 orang di mana 11 orang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 28 Syaaban 1441H / 22 April 2020